

13/10/2001

Masyarakat Cina disaran sokong tindakan kerajaan

GEORGETOWN, Jumaat - Masyarakat Cina di negara ini disaran terus bersatu dan memberikan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad khususnya dalam menangani masalah pengganas di negara ini.

Naib Presiden MCA, Datuk Fong Chan Onn, berkata kaum Cina juga perlu bersama-sama rakyat Malaysia yang lain untuk memelihara kedaulatan dan keamanan di negara ini.

"Mandat dan sokongan yang diberikan dapat memastikan Dr Mahathir terus memimpin negara ini," katanya pada majlis makan malam yang dihadiri 500 ahli anjuran MCA Bahagian Balik Pulau di Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Shan, Bayan Lepas, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Ketua MCA Bahagian Balik Pulau, Dr Chong Tek Heng, Ketua Wanita MCA Bahagian Balik Pulau, Leong Yik Kee dan Ketua Pemuda MCA Bahagian Balik Pulau, Ooi Chuan Aik.

Fong yang juga Menteri Sumber Manusia berkata, berikutan serangan pengganas ke atas Washington dan New York, Amerika Syarikat pada 11 September lalu, masyarakat Cina keseluruhan perlu memberikan sokongan dan membantu Perdana Menteri menangani masalah pengganas di negara ini.

Katanya, langkah itu dapat memastikan Malaysia terus kekal sebagai negara berbilang agama, bahasa dan budaya mengikut Perlembagaan.

Beliau berkata, jika rakyat gagal mewujudkan perpaduan dan sokongan kepada Dr Mahathir, ada kemungkinan Pas boleh mengambil alih tampuk pemerintahan.

"Pas akan memusnahkan Perlembagaan dan mengubah ciri utama masyarakat berbilang agama di negara ini," katanya.

Fong berkata, ketika negara sedang menghadapi cabaran sekarang, rakyat tidak mungkin dapat menikmati kestabilan politik.

"Populasi kaum Cina di negara ini hanya 25 peratus daripada jumlah keseluruhan di negara ini," katanya.

(END)